



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



# SIARAN MEDIA

21 SEPTEMBER 2021  
UNTUK SIARAN SEGERA

## PEMULIH SIBERKASA PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN KESELAMATAN SIBER BANTU PULIHKAN EKONOMI NEGARA

**CYBERJAYA (21 SEPTEMBER 2021):** CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) hari ini melaksanakan satu inisiatif yang dikenali sebagai **Pemulih SiberKASA: Program Latihan Kemahiran Keselamatan Siber**. Ia dibangunkan bagi menyokong hasrat Kerajaan sejajar dengan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dalam usaha memulih dan mengukuhkan kembali ekonomi negara yang terjejas akibat penularan pandemik Covid-19.

Program Pemulih SiberKASA merangkumi pembangunan kapasiti dan *on-the-job training* (OJT) untuk tempoh tiga (3) bulan dan seterusnya penempatan di industri selama 6 - 12 bulan. Ia disasarkan secara khusus kepada rakyat Malaysia yang memiliki latar belakang Teknologi Maklumat (IT), terkesan daripada pandemik Covid-19, hilang pekerjaan dan tiada punca pendapatan termasuk para siswazah yang tidak mempunyai pekerjaan.

“Peranan tenaga kerja IT khususnya bagi mereka yang bertanggungjawab mengendalikan keselamatan siber adalah sangat penting di organisasi masing-masing. Dengan program latihan yang khusus, mereka dapat merancang dan merangka strategi serta menjadi pakar rujuk dalam aspek teknikal dan tadbir urus berkaitan isu-isu keselamatan siber.” kata Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab FASc, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Pemulih SiberKASA: Program Latihan Kemahiran Keselamatan Siber diselaraskan di bawah KKMM di mana lebih 400 permohonan diterima secara dalam talian semenjak program ini dibuka pada Julai 2021. Dari jumlah tersebut hanya 200 permohonan telah berjaya untuk mengikuti program ini.



Securing Our Cyberspace

CyberSecurity Malaysia  
200601006881 (726630-U)

T +603 8800 7999  
F +603 8008 7000  
H 1 300 88 2999

Level 7, Tower 1  
Menara Cyber Axis  
Jalan Impact  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

Melalui pelbagai program pembangunan kapasiti bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan individu, Pemulih SiberKASA dijangka dapat menyediakan peluang pekerjaan baharu kepada para pekerja IT seterusnya menghasilkan tenaga kerja keselamatan siber yang lebih kompeten selain dapat memenuhi keperluan pelbagai industri di Malaysia.

“Dengan memiliki kompetensi, pengetahuan serta kemahiran teknikal mengenai domain-domain keselamatan siber yang berkaitan, para peserta akan dapat meningkatkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif keselamatan siber di organisasi tempat mereka bekerja.” ujar Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin lagi.

Pemulih SiberKASA: Program Latihan Kemahiran Keselamatan Siber akan dilaksanakan berdasarkan tiga fasa yang melibatkan pelbagai domain latihan antaranya *Cyber Security Essential, Certified Information Security Awareness Manager, Certified Penetration Tester, Certified Data Security Professional, Professional Business Continuity Implementer, Security Analyst* serta *SecureMI Certified Administrator*. Para peserta yang telah tamat mengikuti program latihan akan menerima sijil yang diiktiraf di pelbagai sektor.

Penawaran program latihan ini juga turut menyokong usaha melestari dan mengukuhkan bidang keselamatan siber negara, di mana ketersediaan golongan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkeupayaan dapat dihasilkan. Ia sekali gus menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan seterusnya menjana pendapatan setelah negara berada di dalam kemelut ekonomi akibat dari pandemik Covid-19.

Untuk maklumat lanjut mengenai Pemulih SiberKASA: Program Latihan Kemahiran Keselamatan Siber, sila layari <https://bit.ly/SiberKASA>

~ Tamat ~

---

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.  
Untuk maklumat lanjut, hubungi [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) atau +603-8800 7999  
Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 7237) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 7242)